

AL-HADITH: KEDUDUKAN DAN PERANANNYA DALAM ISLAM

oleh
Mohd. Muhiden b. Abd. Rahman

Abstract

The study which is attempt to elaborate the position and role of al-Hadith in Islam. The Discussion is based on al-Qur'an, al-Hadith and the vierws of the authoritative ulama. In the discussion an attempt is also made to elaborate the meaning of al-Hadith from various aspects and disiplines.

Pendahuluan

Tidak dapat dinafikan lagi tentang kedudukan al-Hadith dalam Islam dan peranan serta pengaruhnya kepada perundangan Islam semenjak dari zaman Rasulullah s.a.w dan sahabat sehingga zaman para Imam Mujtahid. Namun sejak akhir-akhir ini ada pihak yang cuba mempertikaikan kedudukan dan peranan al-Hadith dalam Islam. Perkara ini bukanlah perkara baru, cuma caranya berbeza tetapi matlamatnya hanyalah satu, iaitu mengelirukan umat Islam dari sumbernya yang asas. Oleh itu satu penjelasan perlu dibuat terhadap kedudukan dan peranan al-Hadith dalam Islam.

Definisi al-Hadith

Perkataan "Hadith" (حديث) adalah kata asal dari perkataan "Hadatha" (حدث) yang dari sudut bahasanya bererti baru (lawan qadim) atau cakap atau berita.¹ Secara etimologi perkataan "Hadith" membawa erti berbagai-bagai, antaranya ;

1. Perbuatan, sebagaimana firman Allah s.w.t dalam Surah an-Nisa', ayat 42.

يَوْمَ يَدْعُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَعَصَوُا الرَّسُولَ لَوْ تُسَوَّىٰ بِهِمُ الْأَرْضُ
وَلَا يَكْتُمُونَ اللَّهَ حَدِيثًا ﴿٤٢﴾

¹Ibn Manzur. *Lisan al-Arab*, Dar Sadir, Beirut, L.T., J. 2, h. 131-133. Mohd. Idris al-Marbawi. *Kamus Idris al-Marbawi*, Pustaka Nasional, Singapura, t.t, h. 123. Muhammad Adib Salih, *Lamahat fi Usul al-Hadith*, al-Maktab al-Islami, 1399 H, h. 27.

“Di hari itu orang-orang kafir dan orang-orang yang menderhakai Rasul ingin supaya mereka disamaratakan dengan tanah dan mereka tidak dapat menyembunyikan (dari Allah) sesuatu kejadian (perbuatan) pun”.

2. Khabar: sebagaimana firman Allah s.w.t dalam Surah Yusuf, ayat 101:

رَبِّ قَدْ آتَيْتَنِي مِنَ الْمَلِكِ وَعَلَّمْتَنِي مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ

“Ya Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah menganugerahkan kepadaku sebahagian kerajaan dan mengajarku sebahagian ta'bir mimpi (khabar)”.

3. Perkataan atau percakapan: seperti firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Nisa', ayat 87:

وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللَّهِ حَدِيثًا

“Dan siapakah yang lebih benar perkataannya dari Allah”.

Maka jelaslah di sini bahawa dari sudut bahasa, perkataan “Hadith” memberi erti perkhabaran atau perbualan dan cerita, sama ada berkaitan dengan keagamaan atau keduniaan, atau yang telah berlaku atau sedang berlaku dan sama ada ianya sedikit ataupun banyak.²

Sementara dari sudut istilahnya pula membawa erti sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w sama ada perkataan, perbuatan, ikrar (pengakuan) atau sifat, sama ada yang berlaku sebelum dibangkitkan menjadi Rasul seperti Tahannuth (تحنث) - iaitu ibadat yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w di Gua Hira'- atau sesudah dibangkit menjadi Rasul.³ Menurut Ibn Taimiyah sebagaimana yang dijelaskan oleh Jamaluddin al-Qasimi, apabila disebut lafaz al-Hadith yang dimaksudkan ialah sesuatu yang diperkatakan mengenai Rasulullah s.a.w setelah beliau dibangkitkan menjadi Rasul. Ini meliputi perkataan, perbuatan dan pengakuannya, kerana sunnah Rasulullah s.a.w ditetapkan melalui tiga aspek ini.⁴

Al-Hadith menurut kebanyakan ulama' juga merangkumi apa-apa yang disandarkan kepada para sahabat Rasulullah s.a.w atau tabi'i, ini termasuklah apa

²M. Mustafa al-'A'zami, *Pengkajian Hadith: Kaedah Dan Persuratan*, terj. Zainal Azam Abdul Rahman, Pustaka Salam, K. Lumpur, 1988, h. 13.

³M. 'Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith, Ulumuha Wa Mustalahuhu*, Dar al-Fikr, Mesir, 1961, h. 19.

⁴Jamaluddin al-Qasimi, *Qawa'id at-Tahdith*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut, 1979, h. 62.

yang disandarkan terus kepada Rasulullah s.a.w (Marfu'), atau yang disandarkan kepada sahabat (Mauquf), dan yang disandarkan kepada tabi'in (Maqtu').⁵

Al-Hafiz Ibn Hajar berkata yang maksudnya: "Al-Hadith yang dimaksudkan dalam syara' ialah apa-apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w".⁶ Seolah-olah ia bermaksud setiap apa yang berlawanan dengan al-Qur'an yang bersifat qadim. Sementara Ali al-Qari al-Harrawi mentakrifkannya sebagai apa-apa yang disandarkan kepada Nabi s.a.w daripada perkataan, perbuatan, pengakuan, geraklaku dan diam sama ada pada masa jaga atau tidur.⁷ Bagi Jamaluddin al-Qasimi pula, al-Hadith ialah apa-apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w daripada perkataan, perbuatan, diam setuju dan sifatnya.⁸ Manakala Muhammad 'Ajjaj al-Khatib mengatakan para Muhaddithin mendefinisikan al-Hadith sebagai apa-apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w daripada perkataan, perbuatan, diam setuju, sifat sama ada sifat kejadian atau sifat akhlak, sirahnya sama ada sebelum atau selepas menjadi Rasul.⁹

Berdasarkan kepada definisi-definisi yang telah dikemukakan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa al-Hadith pada pandangan Muhaddithin ialah apa-apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w sama ada dari segi perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat sama ada sifat kejadian atau akhlaknya. Para Muhaddithin juga boleh dikatakan bersependapat dalam mengemukakan definisi al-Hadith, sekiranya wujud perbezaan di antara mereka, ia hanyalah dari sudut mujmal (ringkas) dan mufassal (detail)nya sesuatu definisi yang diberi.

Perkataan al-Hadith juga sering dikait dan disebut sebagai as-Sunnah. Sepertimana yang pernah disebut kepada sumber utama kepada syari'at Islam iaitu al-Kitab dan as-Sunnah yang bermaksud al-Qur'an dan al-Hadith. Kalimah as-Sunnah dan kata terbitan darinya juga sering disebut dalam beberapa Hadith. As-Sunnah dari sudut bahasanya bererti jalan atau sirah yang ditempuhi sama ada baik atau buruk.¹⁰ Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam Surah an-Nisa' ayat 26:

⁵Muhammad Adib Salih, *op.cit.*, h. 27.

⁶Ibn Hajar, *Fath al-Bari Bi Syarh al-Bukhari*, Matba'ah al-Babi al-Halabi, Mesir, 1959, J. 1, h. 203.

⁷Ali al-Qari al-Harrawi, *'Ali al-Qari 'ala Syarh Nukhbat al-Fikr*, Matba'ah Akhut, Istanbul, 1327, h. 16.

⁸Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi, *op.cit.*, h. 61.

⁹Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *op.cit.*, h. 19.

¹⁰Ibn Manzur, *op.cit.*, J. 13, h. 225. M. Muhammad Abu Zahw, *al-Hadith Wa al-Muhaddithun*, Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut, 1984, h. 8 & 9.

رِيدُ اللَّهِ لِيُبَيِّنَ لَكُمْ وَيَهْدِيَكُمْ سُنْنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ

"Allah mahu menjelaskan kepada kamu (hukum-hukum syari'at-Nya) serta memimpin kamu kepada jalan orang-orang yang sebelum kamu (para Nabi dan Solihin)"

Dan sabda Rasulullah s.a.w bermaksud:

"Sesiapa yang mengikuti jalan yang baik, maka baginya pahala mengikuti kebaikan dan pahala sesiapa yang melakukannya sehingga hari Qiamat, dan sesiapa yang mengikuti jalan kejahatan maka ke atasnya dosa dan dosa sesiapa yang melakukannya sehingga hari Qiamat."¹¹

Lafaz as-Sunnah apabila digunakan dalam syara' bererti apa yang diperintah, ditegah dan digalakkan oleh Rasulullah s.a.w, sama ada berbentuk perkataan atau perbuatan. Oleh kerana itulah dikatakan kepada dalil atau sumber kepada syariat Islam al-Kitab dan as-Sunnah iaitu al-Qur'an dan al-Hadith. Tetapi dari sudut istilahnya, ulama' telah berselisih pendapat. Perselisihan ini adalah berpunca dari perbezaan tujuan dan matlamat yang digariskan oleh mereka mengikut kajian dan disiplin pengajian masing-masing.¹² Seperti ulama' Hadith yang mendefinisikan as-Sunnah sebagai apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat-sifatnya sama ada berupa sifat kejadian atau akhlak dan sirahnya, sebelum dan selepas dibangkit menjadi Rasul. Ini bererti as-Sunnah dan al-Hadith sama sahaja disisi ulama' Hadith.¹³

Sementara Ulama' Usul Fiqh mentakrifkan as-Sunnah sebagai perkataan, perbuatan dan pengakuan Rasulullah s.a.w yang boleh ditetapkan atau dijadikan sebagai satu hukum. Sebahagian Ulama' Usul pula mengatakan as-Sunnah ialah segala apa yang dilakukan oleh sahabat Rasulullah s.a.w, sama ada ia berpunca dari al-Quran atau Rasulullah s.a.w ataupun ijtihad dari sahabat sendiri, sebagaimana yang dilakukan oleh setengah sahabat seperti mengumpul Mashaf (al-Qur'an) dan seumpamanya.¹⁴

Ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

¹¹Muslim Ibn Hajjaj al-Qusyairi, *Sahih Muslim*, Ri'asah Idarat al-Buhuth al-Ilmiah, Arab Saudi, J. 2, h. 705.

¹²Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *op.cit.*, h. 18.

¹³*Ibid.*, h. 19.

¹⁴M. Muhammad Abu Zahw, *op.cit.*, h. 9.

*"Wajib ke atas kamu mengikut sunnahku dan juga sunnah
Khulafa' Rasyidin selepas aku".¹⁵*

Pendapat ini juga diterima oleh sesetengah Ulama' Hadith. Sementara Ulama' Fiqh pula mendefinisikan as-Sunnah sebagai setiap yang telah sabit datangnya dari Rasulullah s.a.w atau jalan yang patut dilalui dalam agama tanpa menyentuh hukum wajib dan fardu atau suatu perbuatan yang sekiranya dilakukan mendapat pahala dan kalau ditinggalkan tidak mendapat siksa. Dan ada juga yang mentakrifkannya sebagai lawan kepada bid'ah.¹⁶ Ulama' yang lebih condong kepada kegiatan da'wah dan nasihat pula (Ulama' Da'wah) mentakrifkannya sebagai apa yang berlawanan dengan bid'ah, lalu dikatakan seseorang itu mengikut sunnah apabila ia melakukan sesuatu amalan yang sesuai dengan amalan Rasulullah s.a.w, sama ada ia berdasarkan kepada nas atau dalil dari al-Qur'an ataupun tidak. Dan dikatakan seseorang itu melakukan bid'ah sekira amalannya bercanggah dengan amalan Rasulullah s.a.w.¹⁷

Sebagaimana yang disebutkan di atas, punca kepada perbezaan definisi ini ialah kerana masing-masing melihat as-Sunnah dengan tujuan yang berbeza dan dari sudut yang berlainan. Ulama' Hadith melihat dan mengkaji dari sudut keperibadian Rasulullah s.a.w sebagai seorang pemimpin yang mendapat petunjuk dari Allah s.w.t sebagaimana yang telah disifatkan oleh Allah s.w.t bahawa Rasulullah s.a.w sebagai ikutan dan contoh teladan yang baik. Oleh kerana itulah Ulama' Hadith mengumpul apa saja yang berkaitan dengan Rasulullah s.a.w seperti akhlak, sirah, sifat (kejadian), perkataan, perbuatan dan lain-lain, sama ada perkara-perkara yang ada hubungannya dengan hukum syara' ataupun tidak. Ulama' Usul pula melihat Rasulullah s.a.w sebagai penggubal syariat yang bersumberkan wahyu Allah s.w.t dan meletakkan dasar-dasar ijthad sesudahnya, di samping pentafsir kepada manusia tentang undang-undang kehidupan. Lantaran itulah mereka menumpukan perhatian mereka kepada perkataan, perbuatan dan pengakuan Rasulullah s.a.w untuk menetapkan hukum syara'. Sementara Ulama' Fiqh mengkaji tentang perbuatan Rasulullah s.a.w yang boleh dijadikan hukum syara' kepada hamba. Ini adalah berdasarkan kepada kesungguhan mereka membimbing manusia semaksima mungkin agar tidak keluar dari perbuatan

¹⁵ Abu Dawud, *Sunan Abu Dawud*, J. 4, h. 281.

¹⁶ M. Muhammad Abu Zahw, *op.cit.*, h. 10 Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *op.cit.*, h. 18 Muhammad Adib Salih, *op.cit.*, h. 31.

¹⁷ M. Muhammad Abu Zahw, *op.cit.*, h. 10.

Rasulullah s.a.w sama ada yang berkaitan dengan hukum wajib, haram, harus dan sebagainya.¹⁸

Sekiranya kita melihat kepada definisi-definisi yang diberi kepada al-Hadith dan as-Sunnah, jelas tidak ada perbezaan antara keduanya disisi Ulama' Hadith, melainkan perbezaan dari sudut bahasa sahaja.¹⁹ Ini ialah pendapat kebanyakan Ulama' Hadith terutamanya dari kalangan mutakhirin. Namun demikian ada sebilangan Ulama', yang membezakan antara as-Sunnah dan al-Hadith.

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini, apabila disebut al-Hadith bererti apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat akhlak dan kejadiannya. Walaupun kadang-kadang dimaksudkan juga apa-apa yang disandarkan kepada sahabat atau tabi'in, tetapi biasanya disebut Hadith sahabat dan tabi'in sekiranya yang dimaksudkan bukan Hadith Rasulullah s.a.w.²⁰

Maksud perkataan Rasulullah s.a.w ialah segala hadith Rasulullah s.a.w yang diucapkannya, sementara perbuatannya ialah segala perbuatan Rasulullah s.a.w yang riwayatkan oleh sahabat kepada kita, seperti cara-cara sembahyang dan ibadat hajinya. Pengakuannya pula ialah setiap yang diakui oleh Rasulullah s.a.w terhadap perbuatan atau perkataan sahabat sama ada pengakuannya dalam bentuk diam ataupun sebaliknya dan sama ada berlakunya perkara itu di hadapannya atau tidak, seperti diam Rasulullah s.a.w ketika para sahabat makan dhab. Sementara sifat Rasulullah s.a.w (sifat kejadian) seperti bentuk tubuh badan Rasulullah yang sederhana, tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah. Adapun sifat (akhlak)nya pula seperti sifat pemalu dan sabarnya.²¹

Kedudukan Al-Hadith Dalam Islam

Sesungguhnya Allah s.w.t telah menutup semua risalah Samayyiah dengan risalah Islam dengan mengutus Nabi Muhammad s.a.w sebagai Rasul akhir zaman dan diturunkan kepadanya al-Qur'an sebagai mukjizat yang paling besar yang pernah diturunkan-Nya. Kemudian Allah S.W.T memerintah untuk menyampai dan menjelaskannya kepada seluruh manusia. Maka al-Qur'an merupakan asas utama kepada syari'at Islam, kerana ia merupakan kalam Allah s.w.t yang

¹⁸Mustafa as-Siba'ei, *as-Sunnah Wa Makanatuha Fi at-Tasyri' al-Islami*, h. 47-49 Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *op.cit.*, h. 18.

¹⁹Muhammad Najib al-Mutici, *Tabsit Ulum al-Hadith Wa Adab ar-Riwayat*, Matbaah Hassan, 1979, h. 7.

²⁰Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *As-Sunnah Qabla at-Tadwin*, Dar al Fikr, 1971, h. 21-22.

²¹Muhammad Adib Salih, *op.cit.*, h. 28-30.

diturunkan kepada Rasulullah s.a.w melalui Jibril a.s. yang mana kesahihannya tidak boleh dipertikai dan diragui oleh sesiapa pun, sama ada secara detail atau umum.

Setiap apa yang datang dari Rasulullah s.a.w selain dari al-Qur'an, sama ada untuk menjelaskan hukum-hukum syara' atau mentafsir dan melaksanakan apa yang terkandung dalam al-Qur'an dinamakan al-Hadith al-Nabawiy sebagaimana yang dibahas sebelum ini. Hadith ini sama ada bersumberkan wahyu dari Allah s.w.t atau ijtihad dari Rasulullah s.a.w yang mana ijtihad ini tidak berlaku melainkan ijtihad berdasarkan kebenaran semata-mata, dengan itu semuanya adalah bersumberkan wahyu Allah s.w.t.²² Ini berdasarkan firman Allah s.w.t dalam Surah an-Najm ayat 3 & 4:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۖ

"Tidaklah ia (Rasulullah) bercakap mengikut hawa nafsunya, ia tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan (kepadanya)".

Kesimpulannya ialah Hadith merupakan salah satu dari dua komponen wahyu yang diturunkan oleh Allah s.w.t melalui Jibril a.s. Sementara komponen yang satu lagi ialah al-Qur'an.²³

Imam Ibn Hazm berkata yang bermaksud: "Telah jelas kepada kita bahawa al-Qur'an merupakan sumber rujukan yang asas kepada syari'at Islam, dan apabila kita menelitinya, kita dapati terkandung di dalamnya perintah mewajibkan kita taat dan patuh segala apa yang diperintah oleh Rasulullah s.a.w, di mana Allah s.w.t berfirman dalam Surah an-Najm ayat 3 & 4, yang bermaksud: "Rasulullah tidak bercakap mengikut hawa nafsunya, dan tidaklah ia melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya."²⁴

Dari sini jelas kepada kita bahawa sumber asas kepada syari'at Islam ialah al-Qur'an dan al-Hadith. Tidak mungkin sama sekali bagi setiap muslim untuk memahami syari'at Islam melainkan dengan merujuk kepada dua sumber asasnya itu. Kedudukan dan kepentingan al-Hadith dalam Islam dan syari'atnya semenjak zaman Rasulullah s.a.w sehinggalah zaman para Imam Mujtahid dan sampailah hari Qiamat tidak dapat dinafikan lagi. Sekalipun sentiasa wujud golongan yang cuba menolaknya sama ada secara keseluruhan atau sebahagian darinya. Golongan

²²Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith*, h. 34.

²³M. Muhammad Abu Zahw, *op.cit.*, h. 11.

²⁴Muhammad Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith*, h. 34 & 35.

ini wujud semenjak dari zaman Rasulullah s.a.w sehinggalah di zaman mutakhir ini, walaupun cara dan tekniknya berbeza, tetapi mempunyai matlamat yang sama.

Untuk mengetahui kedudukan al-Hadith dalam Islam perlu kita merujuk kepada sumber Islam yang asas sekali iaitu al-Qur'an. Ini adalah kerana kedudukan al-Qur'an itu sendiri yang jelas dan nyata kesahihannya tanpa syak dan ragu lagi. Terdapat banyak ayat-ayat yang menunjukkan kepada kedudukan al-Hadith dalam Islam, antaranya:

1. Firman Allah s.w.t dalam Surah al-Anfal ayat 20:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ

"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya".

2. Firman-Nya lagi dalam Surah an-Nisa' ayat 80:

مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ

"Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, sesungguhnya ia telah taat kepada Allah".

3. Firman-Nya dalam Surah al-Hasyr ayat 8:

وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

"Apa saja yang datang dari Rasulullah, hendaklah kamu mengambilnya, dan apa saja yang dilarangnya hendaklah kamu menjauhinya".

Dari ayat-ayat di atas jelas kepada kita tentang kedudukan al-Hadith, sekaligus kedudukan Rasulullah s.a.w dalam Islam. Di mana ayat-ayat tadi secara jelas dan terang menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w juga diutus untuk dipatuhi dan ditaati dengan izin Allah, bukan semata-mata untuk menyampaikan risalah Allah sahaja. Dan seseorang itu tidak dikira beriman selagi ia tidak berhukum dengan hukum Allah dengan mengambil contoh teladan dari kehidupan Rasulullah s.a.w.²⁵

Ayat-ayat di atas juga telah menyamakan antara taat kepada Allah dan taat kepada Rasulullah s.a.w tanpa membeza-bezakannya, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

²⁵Muhammad Mustafa A'zami, *op.cit.*, h. 13.

*“Sesiapa yang taat padaku sesungguhnya ia telah taat kepada Allah, dan sesiapa yang menderhaka padaku, sesungguhnya ia telah derhaka kepada Allah”.*²⁶

Oleh yang demikian al-Qur'an dan al-Hadith saling kait mengait antara satu sama lain, tanpa boleh dipisahkan. Tiada sebab untuk kita meragui al-Hadith, sebagaimana tiada sebab untuk kita meragui al-Qur'an. Sebab dengan meragui al-Hadith bererti kita meragui Rasulullah s.a.w, kebenaran kata-katanya dan perutusan yang dibawanya. Dan secara langsung meragui Allah s.w.t dan perintah-Nya. Keseluruhan Ulama' terutamanya para sahabat telah sepakat mengatakan bahawa Hadith-hadith juga mempunyai autoritinya yang tersendiri khususnya pada masalah-masalah yang tiada nasnya dalam al-Qur'an, di samping penjelas, penyokong dan penghurai kepada hukum-hukum yang nasnya telah sedia ada dalam al-Qur'an. Ini dengan sendiri menunjukkan bahawa al-Hadith berada di tempat yang kedua selepas al-Qur'an. Kedudukan ini juga dapat dilihat dari sudut periwayatan al-Qur'an dan al-Hadith, di mana al-Qur'an diriwayat secara mutawatir, sedangkan al-Hadith hanya sebahagian kecil sahaja yang diriwayatkan secara mutawatir, ini menunjukkan kedudukan dan darjat al-Qur'an lebih tinggi dari al-Hadith.

Kesimpulannya, al-Hadith merupakan asas dan sumber yang kedua dalam Islam selepas al-Qur'an, sekalipun ia saling perlu memerlu antara satu sama lain dan kewajiban patuh dan beramal dengannya setaraf dengan al-Qur'an. Ini disebabkan al-Qur'an telah putus dan jelas kesahihannya sama ada secara umum ataupun detailnya, sedangkan al-Hadith secara umumnya sahaja telah putus dan jelas. Al-Qur'an juga merupakan asal dan al-Hadith cabangnya,²⁷ sama ada sebagai penjelas kepada al-Qur'an ataupun tambahan ke atasnya. Sememangnya penjelas atau tambahan kepada sesuatu berada di martabat yang kedua. Di samping dalil-dalil aqli ini, juga terdapat hadith-hadith yang menunjukkan kedudukan al-Hadith, seperti hadith Muaz r.a.,²⁸ yang bermaksud: Rasulullah s.a.w telah mengutus Muaz ke Yaman sambil berkata kepadanya: “Dengan apakah kamu menghukum, lalu Muaz menjawab; dengan kitab Allah. Rasulullah bertanya lagi; sekiranya tiada (dalam kitab Allah)? Muaz berkata; dengan sunnah Rasulullah. Rasulullah berkata lagi: Sekiranya tiada? Kata Muaz: Dengan pendapat aku”.²⁹

²⁶Muslim Ibn Hajjaj, *op.cit.*, J. 3, h. 1466.

²⁷Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith*, h. 36.

²⁸M. Abdul Aziz al-Khauili, *Miftah as-Sunnah*, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1983, h. 6 & 7.

Begitu juga dengan apa yang ditulis oleh Sayyidina Umar al-Khattab r.a kepada Qadi Syuraih yang bermaksud: "Lihat apa yang jelas kepada kamu dari Kitab Allah dan jangan kamu tanya seseorang pun mengenainya, apa yang tidak jelas pada kamu dari Kitab Allah maka ikutlah sunnah Rasulullah".³⁰

Sekalipun ada Ulama' yang mempertikaikan kesahihan hadith Muaz r.a., sehingga ada di antara mereka memasukkannya dalam kategori Hadith-hadith daif. Tetapi berdasarkan kepada amalan kebanyakan para sahabat seperti Abu Bakar, Umar, Ibn Mas'ud dan lain-lain dari Ulama' salaf sudah mencukupi untuk membuktikan apa yang diperkatakan di sini.³¹

Golongan yang menolak penerimaan al-Hadith sebagai salah satu sumber rujukan yang asas kepada Islam sambil mendakwa mereka adalah Qur'aniyyun yang hanya menerima al-Qur'an sahaja tanpa al-Hadith, telah jelas kebatilan dakwaan mereka itu. Ini adalah kerana mereka telah berhujah dengan al-Qur'an sahaja disebabkan kemutawatirannya, yang tidak mungkin diragui kebenarannya dan al-Qur'an ini jugalah menjadi hujah ke atas mereka, kerana al-Qur'an yang mereka menerima kebenarannya tanpa ragu-ragu itu tersirat di dalamnya perintah supaya patuh dan taat kepada Rasulullah s.a.w tanpa belah bagi, dan menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w tidak bercakap melainkan bersumberkan wahyu dari Allah, bahkan menyamakan taat kepada Rasulullah s.a.w dengan taat kepada Allah juga.³² Begitu juga alasan yang mengatakan bahawa kemunduran umat Islam adalah berpunca daripada pegangan mereka kepada al-Hadith, tidak dapat diterima, malah apa yang terjadi ialah sebaliknya, iaitu kemunduran itu berlaku kerana umat Islam mengkebelakangkan al-Qur'an dan al-Hadith.

Kesimpulannya, berdasarkan kepada nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith serta amalan para sahabat r.a., sama ada semasa hayat Baginda s.a.w ataupun selepas kewafatannya, di mana mereka terlebih dahulu merujuk kepada al-Qur'an terhadap sesuatu masalah yang timbul, sekiranya tiada dalam al-Qur'an, mereka cuba pula merujuk kepada sunnah Rasulullah s.a.w yang boleh dikatakan telah ijma' (sepakat) umat Islam di semua keadaan dan tempat bahawa al-Hadith merupakan salah satu sumber asas kepada Islam dan ia mempunyai kedudukan yang kedua

²⁹Hadith Riwayat Abu Dawud dan at-Turmudhi. Lihat *Aun al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Daud, Dar al-Fikr 1979, J. 9, h. 509 dan Tuhfat al-Ahwadhi Sharh Sunan at-Tarmidhi, Dar al-Fikr, t.t, j. 4, h. 557.*

³⁰M. Abdul Aziz al-Khauili, *op.cit.*, h. 7 Mustafa as-Siba'ie, *op.cit.*, h. 377.

³¹Mustafa as-Siba'ie, *op.cit.*, h. 378-379.

³²Salih Ahmad Reda, *Zahirat Rafdi as-Sunnah*, Jami'ah al-Imam Muhammad Ibn Saud, Riyadh, Saudi Arabia, 1986, h. 30.

selepas al-Qur'an.³³ Lantaran itulah kita dapati umat Islam bermula dari permulaan Islam lagi telah menerima al-Hadith sebagaimana mereka menerima al-Qur'an sebagai menyahut seruan Allah s.w.t dan Rasul-Nya s.a.w. Dalam hubungan ini Allah telah menyifatkan mereka yang tidak menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai hakim kepada perselisihan yang timbul di kalangan mereka seterusnya menerima hukum Rasulullah s.a.w dengan rela hati sebagai golongan yang tidak beriman, ini termaktub dalam firman-Nya dalam Surah an-Nisa' ayat 65:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ
ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا
أَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

"Demi Tuhanmu, tidak beriman mereka itu sehingga mereka berhakimkan kepada kamu pada apa yang mereka selisihkan, kemudian mereka tidak dapati dalam diri mereka itu perasaan resah terhadap apa yang kamu putuskan, sebaliknya mereka menerimanya dengan hati sejahtera (rela)".

Peranan Al-Hadith Dalam Islam

Tidak ada pada zaman Rasulullah s.a.w sumber atau dalil yang menjadi rujukan kepada hukum Islam melainkan al-Qur'an dan al-Hadith. Al-Qur'an hanya mengandungi asas-asas umum tanpa menyentuh kepada pendetailan dan cabang-cabangnya secara keseluruhannya, melainkan apa yang sesuai dengan asas-asasnya yang telah ditetapkan, dan tidak berubah dengan peredaran masa serta tidak tertakluk kepada perkembangan yang berdasarkan perbezaan manusia, sama ada dari sudut keadaan atau adat resam mereka. Semua ini hendaklah dilakukan mengikut kesesuaian yang ada dalam al-Qur'an dan dalam hubungan ini al-Qur'an kekal sebagai sumber yang layak dan sesuai kepada semua manusia, setiap masa dan tempat. Di mana al-Qur'an menjamin segala keperluan perundangan dan peraturan hidup untuk manusia ke arah pembangunan dan kemajuan. Di samping perkara-perkara yang tersebut tadi, al-Qur'an juga menyentuh masalah-masalah aqidah, ibadat, adab, akhlak dan sejarah umat-umat terdahulu, tetapi semuanya secara umum.³⁴

Sebagaimana yang disebut sebelum ini bahawa tugas Rasulullah s.a.w bukan sahaja untuk menyampaikan Kitab Allah, tetapi Baginda juga diperintah untuk

³³M. Adib Salih, *op.cit*, h. 39-40 Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith*, h. 41.

³⁴M. Ajjaj al-Khatib, *as-Sunnah Qabla at-Tadwin*, h. 23.

menjelaskan kandungannya, sama ada dengan menghurai dan mentafsirkan maksudnya, mendetail perkara-perkara yang umum, menjadi penyokong dan penguat kepada al-Qur'an atau penjelas kepada kesamaran yang terdapat dalam al-Qur'an.

Dari sini jelas bahawa al-Hadith memainkan peranan penting dalam perundangan Islam dan mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dalam perkembangan ilmu Fiqh semenjak zaman Rasulullah s.a.w sehinggalah zaman para Imam mujtahid. Ini bererti apabila kita menerima al-Qur'an sebagai panduan hidup, sudah semestinya kita tidak boleh menolak al-Hadith. Sebab tidak mungkin kita akan memahami al-Qur'an tanpa merujuk kepada penjelas dan penghurainya, iaitu al-Hadith. Dan dengan sendiri akan membawa kepada hilangnya tujuan dan matlamat al-Qur'an yang diturunkan sebagai hidayat dan petunjuk kepada seluruh manusia.

Ulama' bersependapat tentang pembahagian al-Hadith berdasarkan peranan dan fungsinya kepada tiga bahagian:³⁵

- i. Al-Hadith sebagai penyokong dan penguat kepada al-Qur'an. Peranan ini berlaku sekiranya kandungan al-Hadith sama dengan al-Qur'an, seperti Hadith yang bermaksud:³⁶

"Islam dibina di atas lima asas; mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, puasa bulan Ramadan dan menunai haji bagi siapa yang mampu".

Sesungguhnya hadith ini bertepatan dengan firman-firman Allah yang mengandungi perintah supaya mengerjakan solat, puasa, haji dan zakat.

- ii. Al-Hadith sebagai penghurai dan penjelas kepada kandungan al-Qur'an; sama ada dengan mendetailkan yang umum, menjelaskan yang kesamaran, mengkhususkan yang am dan menghadkan yang tiada hadnya.³⁷ Contoh mendetail yang umum ialah Rasulullah s.a.w telah menerangkan bagaimana cara-cara sembahyang, zakat, puasa dan lain-lain yang hukumnya datang secara umum tanpa menghurainya dengan lebih jelas. Contoh mengkhususkan yang am pula seperti penjelasan Rasulullah s.a.w maksud kalimah zalim dalam ayat 82, Surah al-An'am:

³⁵Mustafa as-Sibai'e, *op.cit.*, h. 379. M. Ahmad Abdullah al-Haddad, *Nafa'is Min as-Sunnah*, Pustaka Antara, K.L. 1988, h. 325. M. Muhammad Abu Zahw, *op.cit.*, h. 38-39.

³⁶Muslim Ibn Hajjaj, *op.cit.*, J. 1, h. 45.

³⁷M. Ahmad al-Haddad, *op.cit.*, h. 326 Muhammad Abu Zahw, *op.cit.*, h. 38.

الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ

"Mereka yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman".

Setengah sahabat memahaminya secara umum iaitu meliputi apa saja kezaliman, sehinggalah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w bahawa maksud zalim di sini khusus kepada syirik kepada Allah sahaja.

Sementara contoh menjelaskan yang kesamaran seperti penjelasan Rasulullah maksud kalimah (الخيطة الأبيض) dan (الخيطة الأسود) dalam ayat 187, Surah al-Baqarah:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَقًّا يَبِينُ لَكُمْ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ

"Dan makan dan minumlah kamu sehingga tampak jelas kepada kamu benang putih dari benang hitam di waktu fajar".

Rasulullah menjelaskan bahawa maksud benang putih dan hitam di sini ialah cerah di siang hari dan gelap di malam hari. Contoh menghadkan atau membatasi kepada yang tiada hadnya, seperti hadith yang menjelaskan maksud tangan dalam ayat 38, Surah al-Ma'idah:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا

"Pencuri lelaki dan perempuan dipotong tangannya".

Rasulullah telah menjelaskan maksud tangan di sini ialah tangan kanan dan ia hendaklah dipotong dari pergelangan tangannya, bukan dari sikunya.

iii. Al-Hadith yang menunjukkan kepada sesuatu hukum yang tidak dinaskan oleh al-Qur'an, contohnya Hadith Rasulullah s.a.w mengenai laut: Maksudnya: "Suci airnya dan halal bangkainya".³⁸

Begitu juga Hadith yang mengharamkan dari memakan daging binatang-binatang liar yang bertaring.

Dari jenis ketiga ini dapat dibuat kesimpulan bahawa al-Hadith juga merupakan sumber hukum yang mempunyai kuasa autoritinya yang tersendiri dan boleh menjadi hujah yang mewajibkan kita beramal dengannya.³⁹

³⁸Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Dar al-Hadith, al-Qahirah, t.t, J. 1, h. 136.

³⁹M. Ahmad al-Haddad, *op.cit.*, h. 327-329.

Ia berdasarkan kepada dalil-dalil yang telah dikemukakan sebelum ini, sama ada dari al-Qur'an atau al-Hadith dan amalan-amalan para sahabat sebelum dan selepas kewafatan Baginda s.a.w serta ijma' Muslimin. Ini adalah satu anugerah Allah kepada Rasul-Nya s.a.w. Sekalipupun Ulama' tidak bersependapat mengenai bahagian yang ketiga ini. Sebagaimana Imam Syafi'i berkata yang maksudnya: "Aku tidak mengetahui sebarang perselisihan dari ahli ilmi bahawa Sunnah Rasulullah s.a.w terbahagi kepada tiga bahagian, mereka bersepakat menerima dua bahagian iaitu apa yang disokong atau dikuatkan oleh Rasulullah s.a.w terhadap nas-nas yang sedia ada dalam al-Qur'an dan penjelasan Rasulullah mengenai maksud dan huraian nas-nas al-Qur'an yang umum. Sementara bahagian yang mereka berselisih ialah bahagian yang ketiga iaitu yang tiada nasnya dalam al-Qur'an".⁴⁰

Perselisihan ini bukanlah dari segi kewujudannya, tetapi dari sudut peranan dan fungsinya. Adakah ia mempunyai kuasa autoritinya yang tersendiri ataupun ia tertakluk kepada nas-nas al-Qur'an juga sama ada secara langsung atau secara ta'wil. Kebanyakan Ulama' berpendapat bahawa al-Hadith mempunyai kuasa autoritinya yang tersendiri berdasarkan kepada dalil-dalil yang jelas sama ada dalil aqli atau naqli.⁴¹

Penutup

Dari penjelasan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa al-Hadith merupakan sumber kedua kepada Perundangan Islam. Malah peranan dan pengaruhnya agak besar dalam membentuk perundangan Islam bermula dari zaman Rasulullah s.a.w sehinggalah ke zaman para Imam mujtahid. Justeru itu ia tidak boleh dipisahkan dari al-Qur'an, malah dari Islam sama sekali.

⁴⁰Imam Syafi'i. *al-Risalah*, al-maktabah al-Ilmiah, Beirut, t.t, h. 19.

⁴¹Mustafa as-Siba'ie. *op.cit.*, h. 383-384.